

Peringatan – tiap-tiap  
seorang yang mendatangkan  
pertanyaan hendaklah mendatangkan  
satu masalah sahaja supaya  
memberi peluang orang  
lain bertanya lagi



kasihan terhadap ibu  
bapanya tidaklah sekali-kali  
boleh di Cis atau ditengking  
herdik mereka,  
berlemah-lembutlah terhadap  
mereka demikianlah ajaran

Abdul Malek, mekanik, polis stesen Kuala Kubu  
Bharu, Ulu Selangor bertanya : Bilakah masanya elok bagi  
seseorang lelaki itu beristeri.

Kiamat, rezeki, hayat maut, jodoh pertemuan tidak  
siap yang tahu. Jadi payah sedikit hendak menentukan  
bilakah masanya elok bagi seseorang lelaki itu  
beristeri tetapi mengikut pandangan masyarakat moleklah  
kiranya jika ia sudah melewati garisan 20 daripada  
usianya. 25 tahun lebih molek tetapi hendaklah sudah ada  
kesanggupan boleh memberi nafkah satu jiwa lagi.

Jika belum kesanggupan itu adalah payah sedikit pada  
adatnyanya meskipun pada sisi agama rezeki itu diberi oleh  
Tuhan. Tetapi jika kesanggupan ada, tenaga kuat, usaha  
banyak maka rezeki itu sudah tentu ada – sedikit atau  
banyak tak kira.

Ahmad Afandi Maksu, Bukit Chandan, Kuala Kangsar  
bertanya: Bagaimana hendak menyukakan hati ibu bapa.

Jalan hendak menyukakan hati ibu bapa ialah  
berkelakuan baik, sopan santun dan berlemah lembut  
terhadap mereka dan orang lain juga rajin belajar  
dan mendapat kepujian dalam pelajaran dan pengajian adalah  
juga sebab-sebab yang boleh menyukakan hati ibu bapa.

Menyukakan hati ibu bapa itu adalah disuruh agama,  
oleh masyarakat dan adat kerana tiada akan terbalas oleh  
seseorang itu akan tanggungan ibu bapanya membela peliharanya  
semenjak dari rahim ibunya hinggalah ia besar. Balasan yang  
dapat diberikan, sungguhpun sebahagian kecil sahaja, ialah  
menyukakan hati mereka lebih-lebih lagi apabila mereka sudah  
tua. Masa itu hendaklah si anak mengembangkan sayap belas

agama kita Islam.

-----\*-----\*-----

Ibnu al-Rasyid, Kampung Pantai, Kuala Lumpur, bertanya:  
Wang kertas itu adakah wajib dikeluarkan zakat?

Jawab: Wajib dikeluarkan zakat dikeluarkan zakat. Wang kertas itu  
ialah dominan atas wang perak atau wang wang emas. Sebanyak  
mana wang kertas itu dikeluarkan maka adalah baginya dominan  
daripada perak atau emas yang berharga sebanyak itu juga.

-----\*-----\*-----

Husin Bakri, Ipoh, Perak, bertanya: Siapakah yang  
memulakan kaedah mengirim surat dengan jalan pos itu?

Jawab: Kaedah mengirim surat dengan pos itu telah  
dimulakan daripada zaman dahulu lagi. Pada zaman Islam mempunyai  
empayar dahulu kaedah mengirim surat itu ialah digaji  
atau diupah orang membawa surat-surat dengan berlari beberapa batu  
jauhnya, kemudian diganti oleh orang lain dan begitulah  
seterusnya hingga sampai kepada tempat yang dihajatkan itu.

Samalah keadaannya dengan orang-orang lumba lari berganti-ganti itu.  
Kemudian dibuat pula kaedah yang lebih cepat iaitu dengan  
menunggang kuda, diganti kedua lain dan seterusnya.

Kaedah berselem itu mula-mulanya direka di England oleh  
William Phil kemudiannya Sir William Phil. Sebab pun timbul  
rekaan itu ialah bahawa pada mulanya bayaran membawa dan  
menyampaikan surat itu bukanlah dibayar oleh yang mengirim  
surat itu bahkan oleh yang menerimanya. Jika panjang  
tulisan surat itu maka banyaklah bayarannya dan jika  
sedikit maka sedikitlah bayarannya dan jika tak bertulis  
langsung tak kena bayarannya. Oleh itu timbullah beberapa helah  
di antara orang ramai iaitu dengan berjanji lebih dahulu  
empunya apabila seseorang menerima surat kosong (yang

tak bertulis) ertinya yang mengirim surat itu dalam sihat walafiat dan sebagainya.

Angkara-angkara seperti itu banyak berlaku dan merugikan pejabat pos. Di antara itu maka timbullah rekaan Sir William Phil dengan membuat setem iaitu orang yang hendak mengirim itu mestilah membeli setem dilekatkan pada sarung surat itu, seperti yang kita buat sekarang ini. Dengan lain-lain perkataan, orang yang mengirim itulah yang mesti membayar upah membawa dan menyampaikan suratnya itu kepada yang dihajati.

-----\*-----\*-----

Abdullah Ahmad, Teluk Anson, bertanya: Apakah erti perkataan Reuter yang ada tersunting di hujung satu-satu perkhabaran dalam surat khabar- surat khabar itu.

Reuter itu sekarang ini ialah sebuah syarikat berita kuat yang masyhur. Syarikat ini ada mempunyai wakil di seluruh dunia mencari, mengutip dan menghantarkan berita dengan kawat kepada cawangan-cawangannya atau ibu pejabatnya di London. Kemudian perkhabaran itu, jika penting, dikawatkan kepada semua cawangannya di seluruh dunia, cawangannya itu pula menyusun dan mengarangnya kemudian diberi-berikan kepada langganan-langganannya iaitu kebbaikannya surat khabar-khabar, ahli-ahli perniagaan dan lain-lainnya.

Reuter itu asalnya nama seorang bangsa Jerman dan kemudiannya mengambil kebangsaan British. Dialah yang mula-mula mereka supaya berita-berita, khasnya berita-berita berkenaan dengan dagangan boleh sampai dengan cepat mula-mula sekali diikhtikarkan dengan jalan menggunakan burung-burung merpati, ditulis surat diikatkan pada kaki burung itu kemudian dilepaskan maka terbanglah burung itu terus menuju kepada sarangnya.

Burung itu ditingkap dan diambil surat yang pada kakinya itu, kaedah ini dapat menyegerakan sampainya perkhabaran berkenaan dengan perniagaan di pelabuhan dengan bandar besar di daerah, walaupun perjalanan diantara keduanya berpuluh atau beratus batu jauhnya.

Reuter dapat melihat usahanya bertambah besar dan bertambah cepat dengan memakai dawai telefon dan kemudannya telegraf.

Apabila ia meninggal maka namanya masih kekal di pakai iaitu Reuter hingga ke masa ini.

-----\*-----\*-----

Aziz bin Ibrahim, Allan Road Butterworth, Seberang Perai bertanya : Bagaimana seorang penganjur atau pemimpin dikasihani orang?

Jawab – Jika tuan baca tawarikh apa jua sama ada Islam atau lainnya nescaya tuan dapati bahawa seorang Pemimpin atau penganjur itu dikasihani orang dan juga dibenci orang, walau bagaimana sekalipun jujur dan ikhlasnya ia atas pimpinan dan penganjurannya itu kerana yang demikian sudah menjadi adat dalam dunia. Dengan lebih terang lagi adalah dikatakan bahawa banyak orang suka dan kasihkan dia maka sebegitu pula banyaknya orang yang benci dan meluat melihatnya.

Suatu misal yang nyata, yang harus juga tuan tahu ialah junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu alaihi Wasalam, ia maksum, amin, jujur, benar dan adil dan sebagainya dalam 23 tahun dapat dikembangkannya nur (cahaya) Islam ke seluruh dunia ini tetapi ada juga musuhnya ada yang tidak sukakan dia.

Oleh itu jika hendak menjadi penganjur atau pemimpin maka sifatkanlah segala kata kata nista, umpat keji dan khianat orang itu sebagai suatu dugaan tetapu hendaklah tuan bersifat jujur, benar, amin, sabar, bijak dan sebagainya. Sifat-sifat inilah yang menjadi syarat bagi menjadi seorang pemimpin atau penganjur dan kiranya tuan tidak akan mendapat kepujian dalam masa hayat tuan, Insyallah selepas tuan mati maka nama tuan akan harum semerbak baunya diserata alam ini.

-----\*-----\*-----

Adam Muhammad Arif, Kuala Kangsar Road, Ipoh, bertanya: Di manakah kecantikan seseorang perempuan yang boleh menarik kekal cinta kepadanya selagi ada hayat dikandung badan?

Jawab – Tiap-tiap seseorang manusia itu ada dua alirannya – Jasmani dan rohani maka kecantikan rohani itulah yang boleh kekal abadi. Jika kecantikan rohani seseorang

yakni akhlaknya elok, budi bahasanya tinggi, adab kelakuannya mulia, tutur bahasanya halus maka seseorang jatuh cinta kepadanya dan cinta yang lekat atas kecantikan-kecantikan rohani itu akan kekal. Tetapi sebaliknya pula pada kecantikan jasmani, semakin tua seseorang itu maka semakin layu dan keringlah kecantikan itu. Jadi seseorang yang melekatkan cinta atas kecantikan jasmani seseorang itu maka akan layu dan keringlah cinta itu. Lebih-lebih lagi apabila ada yang lain-lain yang jasmaninya cantik dan molek. Tetapi kecantikan rohani lain di antara yang lain, tak dapat dibuat-buat atau diada-adakan atau dipura-purakan. Kecantikan jasmani boleh.

Oleh itu letakkanlah cinta tuan atas kecantikan rohani sebab yang demikian akan sentiasa dan setiap masa melapangkan dada dan menyenangkan hati tuan.

-----\*-----\*-----

Ahmad bin Haji Ibrahim, Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Perak bertanya: Apa hukumnya seorang Islam peminum jenis-jenis bir pada hal setengahnya tidak memabukkan?

Jawab: Barang yang cair banyak atau sedikit diminum memabukkan itu tetap haram diminum sekalipun yang meminum itu tidak mabuk. Bir itu lazimnya bagi orang yang belum pernah minum apabila diminum sedikit memabukkan dan telah dipersetujukan oleh ulama bahawa bir itu tetap haramnya. Dengan demikian sama ada mabuk atau tidak sudah tetap haramnya.

-----\*-----\*-----

Belia Desa, Kuala Besut Terengganu bertanya: Pernahkah sahabat-sahabat Nabi menggunakan ayat-ayat Quran dan berbagai-bagai rajih dijadikan azimat?

Jawab: Tidak. Bahkan azimat itu ditegah dipakai.

-----\*-----\*-----

Muhammad Ali bin Sair Sekolah Melayu Pancang Kedana, Sabak Bernam bertanya: Ayam itu jadinya daripada telur dan telur itu jadinya daripada ayam maka yang manakah dahulunya terjadi?

Jawab: Tidak ada seorang makhluk pun yang dapat menentukan yang mana dahulu dan yang mana kemudian oleh kerana yang demikian itu adalah menunjukkan kekuasaan Allah.

-----\*-----\*-----

Awang Uthman bin Pengiran Kahar, Kampung Hilir, Sibul, Sarawak bertanya: Adakah hilang (batal) air sembahyang suami itu jika bersentuh kepada nenek isterinya?

Jawab: Tidak.

-----\*-----\*-----

Osman bin Kecik, Kuala Sungai Baru, Melaka bertanya: Bagaimana asalnya perkataan cina buta dan apa maksudnya dan siapa yang kena nama cina buta itu?

Jawab: Gelaran cina buta itu ialah daripada perkataan mahlal iaitu seseorang lelaki yang telah mengambil upah untuk nikah kepada seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya dengan tiga kali cerai atau terkenal dengan talak tiga dengan syarat ia hendaklah menceraikan perempuan itu pada malam itu juga. Orang itu biasanya daripada orang yang bodoh dan pada setengah-setengah tempat biasa juga juru-juru nikah atau kadi menyimpan orang-orang yang bodoh itu di rumahnya dan menyediakan sebuah bilik khas di situ dan apabila datang orang yang hendak bercina buta itu maka tuan kadi pun menikahkan dengan orang yang ada di rumahnya tadi dengan upah kemudian mereka dimasukkan ke dalam bilik itu berdua dan tidak lama di antaranya mereka pun keluar dari sana dengan memberi pengakuan mereka telah bersatu dan kemudian orang yang menjadi cina buta tadi pun disuruh menceraikan perempuan itu dan setelah menunggu edah selama tiga bulan dinikahkan pula dengan suaminya yang mula, yang demikian ini telah biasa dilakukan pada beberapa tempat.

Sungguhpun penanya tidak bertanya tentang hukumnya tetapi mustahak rasanya diterangkan bahawa perbuatan yang sedemikian itu, mengikut hokum yang sarif, tidak sah oleh sebab nampak sungguh mereka mempermain-mainkan kahwin. Allah melaknat perbuatan mahlal itu dan pekerjaan itu sangat dicela.